

DASAR LANGIT TERBUKA (OPEN SKY)

Meluaskan rangkaian perkhidmatan udara (*connectivity*) di antara Malaysia dan negara-negara asing

- i. Perjanjian perkhidmatan udara dua hala berdasarkan Dasar Langit Terbuka atau *Open Skies Policy* membenarkan syarikat penerbangan Malaysia dan Negara-negara asing mengadakan penerbangan tanpa sekatan dari segi kekerapan perkhidmatan, kapasiti penerbangan, jenis pesawat, laluan serta bilangan syarikat penerbangan yang dibenarkan (*multiple designations*) di antara Malaysia dan negara tersebut.
- ii. Aturan perkhidmatan udara yang bersifat *open skies* memberi kemudahan dan daya penarik kepada syarikat-syarikat penerbangan kedua-dua negara untuk meneroka pasaran dan mengadakan penerbangan dengan kekerapan dan laluan secara *commercially viable* di antara kedua-dua negara. Situasi ini mampu meningkatkan pertumbuhan sektor pengangkutan udara dan industri pelancongan negara dan sekali gus meningkat *accessibility* rakyat negara ini ke negara-negara lain di dunia dan sebaliknya.
- iii. Secara umumnya, Malaysia menawarkan semua destinasi di Malaysia yang mempunyai lapangan terbang antarabangsa kepada kebanyakan negara melalui Perjanjian Perkhidmatan Udara dua hala (*bilateral*) yang ditandatangani. Walau

bagaimanapun ia adalah tertakluk kepada penerimaan kedua-dua Negara secara timbal balik (*reciprocal*).